

**TERMS AND CONDITIONS  
AR-RAHNU TAMBAH DUIT CAMPAIGN  
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT  
KEMPEN AR-RAHNU TAMBAH DUIT**

1. The “Ar-Rahnu Tambah Duit Campaign” (“**Campaign**”) commence on **1 January 2021** until **31 December 2021** (both dates inclusive) unless notified otherwise (“**Campaign Period**”).

*“Kempen Ar-Rahnu Tambah Duit” (“**Kempen**”) bermula pada **1 Januari 2021** hingga **31 Disember 2021** (termasuk kedua-dua tarikh) melainkan jika diberitahu sebaliknya (“**Tempoh Kempen**”).*

**DEFINITION / DEFINISI**

2. For the purpose of these Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires: -

*Bagi tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ini, perkataan dan ekspresi berikut adalah seperti makna yang diberikan dibawah melainkan terdapat konteks yang membawa maksud sebaliknya: -*

**“The Bank”** means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No.: 198301002944 (98127-X)), a company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**“Pihak Bank”** bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 198301002944 (98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, No 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

**“The Campaign”** means “Ar-Rahnu Tambah Duit Campaign” organized by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

**“Kempen”** bermaksud “Kempen Ar-Rahnu Tambah Duit” yang dianjurkan oleh Pihak Bank menurut Terma-terma dan Syarat-syarat yang ditetapkan di sini.

**ELIGIBILITY / KELAYAKAN**

3. To be eligible, customer must meet the following criterias:  
*Untuk layak, pelanggan perlu memenuhi kriteria-kriteria berikut:*

- (a) New Ar-Rahnu Tawarruq application with minimum financing of RM1,000 per account within Campaign Period;

*Permohonan baharu Ar-Rahnu Tawarruq dengan pembiayaan minimum sebanyak RM1,000 setiap akaun dalam Tempoh Kempen;*

- (b) The financing application must be applied, approved and accepted during the Campaign Period;

*Permohonan pembiayaan hendaklah dibuat, diluluskan dan diterima dalam Tempoh Kempen;*

- (c) Customer is required to retain the account during the Campaign Period and the account status must be active;

*Pelanggan dikehendaki mengekalkan akaun semasa Tempoh Kempen dan status akaun mestilah aktif;*

**Note/Nota:**

Account status active is defined as performing account and non-past due or not matured on the last day of each quarter (for quarterly draw) and on 31 December 2021 (for the final draw).

*Status akaun aktif ditakrifkan sebagai akaun teratur tanpa sebarang tunggakan atau belum matang pada hari terakhir setiap suku tahun (untuk cabutan suku tahunan) dan pada 31 Disember 2021 (untuk cabutan terakhir).*

4. Bank Islam employees, Ar-Rahnu Bank Islam staff and customers who have any arrears, non-compliance or legal action on any existing facilities or financing with Bank Islam or Ar-Rahnu Bank Islam are not eligible to participate in this Campaign.

*Kakitangan Bank Islam, kakitangan Ar-Rahnu Bank Islam dan pelanggan yang mempunyai sebarang tunggakan, ketidakpatuhan atau tindakan guaman atas mana-mana kemudahan atau pembiayaan sedia ada dengan Bank Islam atau Ar-Rahnu Bank Islam tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.*

## **CAMPAIGN MECHANICS AND PRIZES / MEKANISMA KEMPEN DAN HADIAH**

5. Eligible customer will be entitled for one (1) Eligibility Unit (“EU”) for every RM1,000 financing amount per account. Multiplier concept shall be used to determine the Total Eligibility Unit based on the following qualifying criteria:

*Setiap pelanggan layak menerima satu (1) Unit Kelayakan (“EU”) bagi setiap RM1,000 amaun pembiayaan bagi setiap akaun. Konsep pengganda akan digunakan untuk menentukan Jumlah Unit Kelayakan berdasarkan kriteria kelayakan berikut:*

<b>Category / Kategori</b>	<b>Financing Amount / Jumlah Pembiayaan</b>	<b>EU Multiplier / Pengganda EU</b>
1	RM2,501 and above / dan ke atas	2
2	RM1,000 – RM2,500	1

Sample of EU calculation / Contoh pengiraan EU:

<b>Financing Amount / Amaun Pembiayaan</b>	<b>Category / Kategori</b>	<b>Eligibility Unit ("EU") / Unit Kelayakan ("EU")</b>	<b>EU Multiplier / Pengganda EU</b>	<b>Total EU / Jumlah EU</b>
RM40,000	1	40	2	80
RM2,000	2	2	1	2

6. Winners will be selected through random system selection.

*Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan rawak..*

7. Details for winners and prizes are as below: -

*Perincian bagi pemenang dan hadiah adalah seperti di bawah:*

<b>Prize Category / Kategori Hadiah</b>	<b>Number of Winners / Bilangan Pemenang</b>	<b>Prizes per winner / Hadiah setiap permenang</b>	<b>Total Prizes / Jumlah Hadiah</b>
<b><u>Quarterly Prize / Hadiah Suku Tahunan</u></b>			
<b>Category 1 / Kategori 1</b>	<b>5</b>	RM10,000	RM200,000*
<b>Category 2 / Kategori 2</b>	<b>5</b>	RM 5,000	RM 100,000*
			<i>*Note/Nota: Total for 20 winners of 4 quarters/ Jumlah untuk 20 pemenang bagi 4 suku tahunan</i>
<b>Grand Prize / Hadiah Utama</b>	<b>1</b>	RM 150,000	RM 150,000

8. The quarterly prize draw will be conducted one (1) week after the end of each quarter and winners will be announced within one (1) week from the draw date.

*Cabutan hadiah suku tahunan akan dilakukan satu (1) minggu selepas setiap akhir suku tahun dan pemenang akan diumumkan dalam masa satu (1) minggu dari hari cabutan.*

9. The Grand Prize winner will be announced in January 2022. Winners of Category 1 and 2 draw, are eligible for Grand Prize draw.

Pemenang Hadiah Utama akan diumumkan pada Januari 2022. Pemenang cabutan Kategori 1 dan 2, layak untuk cabutan Hadiah Utama.

10. The cash prize will be credited into winner's Al-Awfar account or any of the winner's account with Bank Islam within one (1) month after Bank Islam announced the winners.

*Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Al-Awfar pemenang atau mana-mana akaun pemenang di Bank Islam dalam masa satu (1) bulan selepas pengumuman pemenang dibuat.*

#### **GENERAL TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT AM**

12. Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of our campaigns and / or promotions.

*Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan / atau promosi kami.*

13. To participate in our campaigns and / or promotions, customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfill the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, customers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaign and / or promotion.

*Untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi kami, pelanggan mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi tersebut.*

14. By participating in this Campaign / Promotion, the customers:

*Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen / Promosi ini, Pelanggan:*

- (a) shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign / Promotion;

*akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen / Promosi ini;*

- (b) shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's Website for the purpose of this Campaign / Promotion (where applicable); and

*akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen / Promosi ini (dimana berkenaan); dan*

- (c) shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the Campaign / Promotion, selection of winners and prizes via the Bank's generic draw engine shall be final, conclusive and binding on all customers and no further correspondence and / or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.

*akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen / Promosi ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum pihak Bank adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank akan dilayan.*

15. The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

*Pihak Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.*

16. The Campaign / Promotion prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).

*Hadiah-hadiah di dalam Kempen / Promosi ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).*

17. The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by the Bank.

*Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.*

18. If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item at its absolute discretion of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all winners from the date prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches and / or websites.

*Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, pihak Bank di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang pihak Bank anggap sesuai dengan memberikan notis kepada pemenang sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh pihak Bank. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.*

19. All winners will be contacted by the Bank, i.e. via telephone with a minimum of three (3) phone calls to arrange for collection / delivery of the prizes. The Bank will contact the winners i.e. via the Mobile Number, Office Number or Residence Number as stated in the Bank's record. In the event the winners is unable to be contacted by the Bank, the Bank reserves the right to conduct new / another draw for any eligible customers to be the winner. No representative of the winners is allowed to collect the prize on behalf of them.

*Para pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank melalui telefon sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan / penyerahan hadiah. Pihak Bank akan menghubungi para pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod pihak Bank. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, pihak Bank berhak untuk membuat cabutan baru / lain untuk pelanggan yang layak yang lain sebagai pemenang. Wakil para pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.*

20. Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.

*Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.*

21. In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign / Promotion, winners shall

consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank as it deems fit for publicity purposes.

*Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen / Promosi ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak Bank. Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.*

22. The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation on facts, and / or inflicted injuries and / or loss of lives and / or valuables resulting from the prize won through this Campaign / Promotion and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and / or whatsoever suffered or sustained by the Customers / Prizes' Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with this Campaign / Promotion or their participation in this Campaign / Promotion or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of the Bank whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. The Bank shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond the Bank's control with regard to this Campaign / Promotion or anything related thereto.

*Pihak Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen / Promosi ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan / Pemenang Hadiah yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen / Promosi atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan / atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari pihak Bank, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan pihak Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.*

23. The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign / Promotion by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and / or website. For the avoidance of doubt, amendment, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign / Promotion shall not entitle the customers who participate in this Campaign / Promotion to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of amendment, cancellation, termination or suspension.

*Pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat*

*belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen / Promosi oleh pihak Bank, tidak membolehkan para pelanggan yang menyertai Kempen / Promosi ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh para pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.*

24. Customers / Prizes' Winners are advised to access the Bank's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

*Pelanggan / Pemenang Hadiah adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.*

25. The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Product / Facility terms and conditions. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign / Promotion.

*Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada terma-terma dan syarat-syarat produk / kemudahan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen / Promosi ini.*

26. The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

*Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia*

**For more information, please visit Ar Rahnū Bank Islam outlet or call our Contact Centre & Customer Care at 03 26 900 900 or visit our website at <https://www.bankislam.com>.**

***Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Ar Rahnū Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com>***